

# PERSAINGAN MEREbut JALAN TENGAH DAN AKSI POLITIK PARTI- PARTI POLITIK ISLAM DAN PERTUBUHAN SUKARELA ISLAM PASCA PILIHAN RAYA UMUM KE-12, 2008\*

**Mohammad Redzuan Othman**  
**Shaharuddin Badaruddin\***  
Jabatan Sejarah  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial  
Universiti Malaya

## ABSTRAK

*Pilihan Raya Umum ke-12, 2008 telah menukar lanskap politik Malaysia. Buat pertama kalinya dalam sejarah, parti politik Barisan Nasional (BN) yang telah memerintah Malaysia selama lebih 50 tahun telah kehilangan dua pertiga majoriti di Parlimen dan juga kehilangan beberapa negeri. Antara sebab yang paling utama ialah kejayaan parti pembangkang untuk mendapatkan undi daripada masyarakat bukan Islam dan juga kejayaannya membentuk satu pakatan untuk menjadi kerajaan alternatif kepada pemerintahan yang sedia ada, selain daripada isu-isu tadbir urus yang menjatuhkan kredibiliti parti pemerintah.*

*Sejarah politik Malaysia memang banyak bergantung kepada bagaimana parti politik boleh mempengaruhi kelompok masyarakat Melayu Islam yang menjadi majoriti masyarakat di Malaysia, diimbangi dengan sokongan daripada masyarakat bukan Islam. Sokongan daripada kedua kelompok inilah yang menjadi teras kepada kejayaan BN sejak tahun 1957. Selain daripada itu dalam konteks politik Islam, ianya dipenuhi dengan persaingan antara parti politik UMNO sebagai parti komponen terkuat BN dan PAS sebagai pembangkang utama. Kejayaan UMNO adalah kerana imejnya yang sederhana dalam mempertahankan Islam dan juga berjaya melabelkan PAS sebagai ekstrimis dan fundamentalis.*

*Namun persaingan politik yang berlaku semenjak tahun 2004 telah membawa haluan yang berbeza. BN dengan dasar-dasarnya yang berkait rapat dengan isu Melayu dan Islam telah mula kehilangan pengaruh di kalangan kelompok bukan Islam, sementara parti politik dalam Pakatan Rakyat telah berjaya meraih sokongan bukan Islam apabila berjaya mengemukakan dasar terbukanya. Perubahan ini berlaku terutamanya kepada PAS yang mula bersifat terbuka terutamanya atas isu wanita dan bukan Islam. Kesannya dapat dilihat daripada tren pengundian penyokong masyarakat bukan Islam yang boleh menerima dan mengundi calon-calon PAS.*

*\*Tren sebegini berterusan terutamanya selepas Pilihan Raya Umum ke-12, 2008 apabila timbulnya beberapa isu yang sebelumnya dianggap sensitif tetapi telah berjaya ditangani secara baik oleh parti pembangkang. Isu-isu seperti Hak Istimewa Orang Melayu, isu babi, isu perpaduan Melayu, isu tauliah agama di Selangor dan yang terakhirnya isu Kalimah Allah telah menjadi perdebatan yang hebat terutamanya polemik antara BN dan Pakatan Rakyat dan juga di kalangan Badan bukan kerajaan (NGO). Pandangan tentang universal Islam yang berteraskan kepada pandangan ulama antarabangsa daripada Timur Tengah seperti Yusof Qaradhawi dan Wahba Zuhaili yang dibawa oleh Anwar Ibrahim yang dikatakan bertentangan dengan Islam lokal pandangan Syed Naquib al-Attas dan Siddiq Fadhil. Kertas kerja ini akan cuba menumpukan kepada isu-isu tersebut terutamanya selepas PRU ke-12 dan penekanannya akan diberikan kepada isu kalimah Allah dan perdebatan yang melingkarinya.*

---

\* Prof. Dr. Mohammad Redzuan Othman adalah Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Prof. Madya Shaharuddin Badaruddin adalah pensyarah di Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Shah Alam.

\* Kertas kerja dibentangkan dalam *International Conference on Public Policy and Social Science* di Sungai Petani Inn, Kedah anjuran Universiti Teknologi MARA Kedah pada 27 Mei 2010.

## **PENGENALAN**

Aksi politik Islam selepas 2003 mengalami satu perubahan yang pesat. Parti pemerintah iaitu UMNO telah secara beraninya mengistiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Penggantian kepimpinan daripada Dr. Mahathir Mohamad kepada Abdullah Ahmad Badawi telah memberikan kesan awalan untuk pengundi Melayu kembali semula menyokong UMNO setelah kehilangan undi tersebut dalam Pilihan Raya Umum ke 10, 1999. Dengan strategi memperkenalkan konsep Islam Hadhari, Abdullah Ahmad Badawi telah berjaya memenangi Pilihan Raya Umum ke 11 dengan *landslide majority*, dengan Terengganu berjaya dirampas semula daripada PAS.

Memahami hakikat politik Malaysia, PAS terpaksa membuat beberapa pembetulan strategi terutamanya dalam menambat pengundi bukan Islam. Dengan tidak menonjolkan konsep negara Islam dan pendekatan *PAS for All* (PAS Untuk Semua), dan sudah tentunya dengan bantuan Anwar Ibrahim dan Parti Keadilan Rakyat, PAS telah berjaya menang besar dalam Pilihan Raya Umum ke-12, 2008. Selepas kejayaan tersebut, PAS tidak lagi membayangkan untuk menjadi pembangkang yang efektif, tetapi cuba untuk menjadi sebuah kerajaan alternatif kepada UMNO. Pengalaman berkongsi kuasa dengan DAP dan PKR menambahkan lagi cepatnya perubahan aksi politik berteraskan kepada Islam.

Bagi pertubuhan sukarela Islam seperti ABIM, kemelut politik Melayu Islam telah menyebabkan ABIM terpaksa mengambil peranan semula sebagai jurubicara umat, sementara pada ketika itu ketiadaan gerakan Islam untuk menjuarai isu Islam terpaksa mengubah strategi yang dilakukan oleh ABIM. JIM pula terus dengan agenda hak asasi manusianya dan terus aktif dalam memastikan pilihan raya dijalankan secara bersih di Malaysia.

## **PERSAINGAN POLITIK ISLAM SEPANJANG SEJARAH**

Isu bagaimana parti pemerintah meletakkan isu Islam ataupun mengurus Islam itu sendiri bergantung kepada perkembangan yang berlaku dalam parti itu sendiri. Namun kita tidak boleh menafikan bahawa semenjak tahun 1980-an, natijah daripada desakan-desakan yang dilakukan oleh parti pembangkang ataupun daripada gerakan dakwah sendiri, UMNO terpaksa menyesuaikan dirinya dengan kehendak semasa. Asakan daripada PAS yang mahukan negara ini menjadi negara Islam telah menjadikan UMNO cuba berusaha untuk melegitimasi dirinya sebagai sebuah parti yang juga memperjuangkan dan mempertahankan Islam.<sup>1</sup>

Proses Islamisasi telah berkembang secara sederhana dan bertahap. Di awal tahun 1980-an, sasaran utamanya adalah untuk menerapkan nilai-nilai Islam kedalam proses pentadbiran dan struktur institusi negara. Kerajaan telah menunjukkan komitmen untuk mempromosi idealisma dan nilai Islam yang mempunyai pelaksanaan dalam konteks yang lebih universal.<sup>2</sup> Dalam menyatakan gagasan Islamisasi tersebut, Dr. Mahathir tidak mahu menampakkan bahawa beliau tergesa-gesa dalam melaksanakannya semata-mata untuk mengelakkan daripada masyarakat bukan Melayu terguris dengan pelaksanaan tersebut. Ia cuma akan bermula dengan birokrasi kerajaan sebelum boleh dilaksanakan dalam setiap lapisan masyarakat diseluruh negara.<sup>3</sup>

Tetapi kelebihan kepada UMNO ialah bukan sahaja terletak kepada keupayaan untuk menyesuaikan diri, tetapi juga kebijaksanaan meletakkan Islam dalam sebuah masyarakat majmuk, yang kadangkala diakhiri dengan perdebatan hangat tentang peranan Islam itu sendiri. Tetapi yang pentingnya ianya tidak sampai untuk menimbulkan konflik yang besar. Kekuatan UMNO ialah sistem sokongan yang konsisten yang berperanan membantu, menjamin kelangsungan UMNO sebagai sebuah parti politik. Menurut Hussain Mohamed sistem sokongan tersebut adalah bersandarkan kepada sistem nilai dan sosio-budaya Melayu Islam, peraturan undang-undang dan peruntukan tertentu dalam Perlembagaan Persekutuan dan juga sistem dalam struktur masyarakat majmuk.<sup>4</sup>

Persaingan politik antara UMNO dan PAS telah berjaya menukar fokus dan orientasi UMNO. Walaupun pada peringkat awal, penumpuannya adalah untuk memberi galakkan kepada nilai-nilai Islam dalam kehidupan awam, namun kemudiannya ia telah bertukar kepada penstrukturan institusi utama supaya ianya selari dengan Islam.<sup>5</sup> Desakan luaran yang dikemukakan oleh PAS telah memberikan kesan besar kepada kelompok Islamis yang bergerak dalam UMNO yang menyebabkan UMNO perlu menunjukkan bahawa mereka adalah lebih Islam daripada PAS.<sup>6</sup>

Aksi politik PAS antara 1981 sehingga 2008 telah menunjukkan satu perubahan yang besar. Daripada sebuah parti politik yang seakan-akan lumpuh selepas perpecahan dalaman di akhir tahun 1970-an, PAS telah bangkit dengan cuba untuk menerapkan pengaruh politik Islam dari luar yang lebih ekstrem sifatnya. Namun memahami akan realiti Malaysia dan kejayaannya menawan kembali Kelantan selepas Pilihan Raya 1990, PAS terpaksa membuat beberapa *adjustment* dengan menjadikan parti politiknya lebih terbuka.

Peristiwa Reformasi 1998 telah ditangani dengan bijak oleh PAS untuk menjadikan suasana politik yang sedia ada menyebelahi PAS dan akhirnya PAS berjaya mendapatkan Terengganu dalam

Pilihan Raya Umum 1999. PAS bukan lagi bersifat parti pembangkang pada ketika itu kerana penguasaan di dua buah negeri memerlukan PAS menunjukkan contoh bagaimana memerintah secara lebih Islamik. Peristiwa yang berlaku selepas itu sehinggalah 2003 memerlukan PAS menilai kembali tindakan mereka terutamanya dari segi politik. Pilihan raya Umum 2004 telah mengajar PAS untuk menjadi lebih terbuka dan strateginya adalah bagaimana boleh melibatkan kelompok penting dalam masyarakat iaitu golongan wanita dan juga masyarakat bukan Islam.

Pencapaian PAS dari sudut pilihan raya boleh dilihat apabila PAS dikatakan lebih terbuka dan lebih demokratik. Ini dapat ditunjukkan dalam Pilihan Raya Umum ke-10, 1999 dan Pilihan Raya Umum ke 12, 2008. Bermula dengan 5 kerusi Parlimen dalam tahun 1982 selepas naiknya kelompok ulama dalam kepimpinan, tindakan PAS yang lebih agresif dan ekstrim telah mencalarakan imej PAS sehingga pencapaian di peringkat Parlimen hanya satu kerusi sahaja yang dimenangnya. Namun strategi pakatan politik yang bijak telah meningkatkan pencapaian PAS apabila berjaya mendapatkan Kelantan dan juga berjaya menambahkan jumlah kerusi di Parlimen. Sifat terbukanya dalam tahun 1999 telah meningkatkan lagi populariti PAS apabila buat pertama kalinya PAS telah berjaya mendapat 27 kerusi Parlimen dan seterusnya ianya diulangi sekali lagi dalam Pilihan Raya Umum ke-12, 2008.

## **AKSI POLITIK ISLAM DAN DEMOKRASI DALAM PRU KE-12, 2008**

Pru ke-12 adalah pilihan raya untuk mendapatkan undi masyarakat bukan Islam. Kerana itu isu Islam bukan lagi menjadi agenda utama parti-parti politik. UMNO tidak lagi menjadikan Islam Hadhari sebagai kempen utamanya manakala PAS pula telah mula melunakkan strategi pembentukan negara Islam dengan hanya berusaha untuk menafikan dua pertiga majoriti BN. Aksi politik yang berubah ini adalah berpunca dari tren pengundian masyarakat bukan Islam yang telah mula beralih kepada pembangkang.<sup>7</sup> Kalau personaliti Abdullah Ahmad Badawi dijadikan sandaran untuk memenangi PRU ke-11, 2004,<sup>8</sup> *character assassination* Abdullah juga menjadi isu utama dalam PRU ke-12, 2008.<sup>9</sup>

Keputusan Pilihan Raya Umum ke-12 pada 8 Mac 2008 sesungguhnya telah mengejutkan banyak pihak.<sup>10</sup> Walaupun BN menang di peringkat nasional dengan 140 kerusi Parlimen tetapi kemenangan pada kali ini adalah tanpa dua pertiga majoriti. Buat pertama kalinya dalam sejarah politik pilihan raya di Malaysia gabungan parti pembangkang telah berjaya menafikan dua pertiga majoriti dengan memperolehi 82 kerusi (PKR-31, DAP-28, PAS-23). Dari segi keseluruhan undi yang diperolehi, BN hanya mendapat 51 peratus undi popular dan 63 peratus kerusi parlimen.<sup>11</sup> Berlaku satu peralihan undi berdasarkan kepada kaum. Di peringkat Parlimen, peralihan undi Melayu adalah dalam lingkungan 5.13 peratus, manakala

peralihan kaum Cina menjangkau kepada 56.26 peratus, manakala peralihan kaum India adalah terbesar iaitu 69.09 peratus.<sup>12</sup>

Di seluruh negara terutama di kawasan campuran dimana pengundinya merangkumi 40-60 peratus pengundi Melayu, BN telah memenangi 28 kerusi manakala Pakatan Rakyat 26 kerusi. Ini menunjukkan bahawa Pakatan Rakyat telah menjadi pesaing yang sangat rapat dan telah berjaya mencontohi model BN dalam memenangi sesuatu pilihan raya.<sup>13</sup>

**Jadual 1:** Kerusi Dimenangi Berdasarkan kepada Parti Politik, Pilihan Raya Umum 2008

	<b>Parti Politik</b>	<b>Parlimen</b>	<b>DUN</b>
Barisan Nasional	UMNO	79	248
	MCA	15	31
	PBB	14	
	MIC	3	7
	Gerakan	2	4
	SUPP	6	
	PRS	6	
	PPP	0	0
	UPKO	4	4
	SAPP	2	3
	LDP	1	1
	PBS	3	8
	PBRIS	1	1
	SPDP	4	
	JUMLAH BN	140	307
Pembangkang	PAS	27	83
	DAP	23	73
	Keadilan	31	41
	Bebas	1	1
		JUMLAH	82

Banyak faktor telah dianalisa tentang mengapa Barisan Nasional mengalami nasib yang buruk dalam Pilihan Raya Umum ke-12. Antara pandangan yang sedia ada menyatakan bahawa faktor besarnya terletak kepada pendekatan Islam Hadhari.<sup>14</sup> Berdasarkan keputusan Pilihan Raya Umum ke-12 pelaksanaan Islam Hadhari telah berhadapan dengan satu dilema terutamanya negeri yang mana Barisan Nasional kalah seperti di Selangor, Perak dan juga Pulau Pinang. Islam Hadhari juga menimbulkan masalah kerana ianya dikaitkan dengan kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi. Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa Islam Hadhari bukanlah faktor yang konklusif kepada kekalahan Barisan Nasional, tetapi faktor kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi menjadi faktor penyumbang yang besar.<sup>15</sup> Sepertimana yang disebutkan oleh Farish A. Noor tentang pemerintahan Abdullah Ahmad Badawi;

*”Half a decade on, it would appear that Badawi’s days are drawing to an end, and with that Islam Hadhari as well. In the years and decades to come, future historians may be kinder to Badawi who may be remembered as the man who tried to reform Malaysia but failed, and whose failure was due to the rot and inertia that had settled in the very same corridors of power that he walked. But perhaps the biggest loss for Malaysia in the long run will be the demise of Islam Hadhari as a project that was never really understood, unfairly criticised, crassly instrumentalised and ultimately cast into the dustbin as just another item in the long train of baggage left behind in the wake of Badawi’s exit from power.”<sup>16</sup>*

Perkara yang mengejutkan ialah gabungan pembangkang telah berjaya menubuhkan kerajaan di Kedah (PAS), Pulau Pinang (DAP), Perak (Campuran) dan Selangor (Campuran) serta berjaya mengekalkan Kelantan dan hampir menyapu bersih kerusi Parlimen di Wilayah Persekutuan. Apa yang disebut tsunami politik inilah yang menjadikan PRU ke-12 satu perkara yang menarik untuk dianalisis.<sup>17</sup>

Sebelum Pilihan raya, DAP telah membuat satu perubahan besar dalam dasar perjuangannya dengan strategi untuk menggugurkan slogan ”Malaysia for Malaysian”. Sudah tentu pendekatan terbarunya ialah untuk menarik sokongan pengundi Melayu disamping memudahkan apa saja pakatan yang hendak dilakukan di kalangan parti pembangkang. Slogan mudah yang sangat berkesan yang dijalankan oleh DAP bertemakan Jom Ubah telah menarik minat masyarakat majmuk di Malaysia.<sup>18</sup> Ditambah dengan beberapa isu besar masyarakat Cina yang telah menyebabkan mereka menolak MCA dan Gerakan dalam Pilihan Raya kali ini dan memberikan kepercayaan kepada DAP untuk memerintah Pulau Pinang.<sup>19</sup>

Manakala PAS pula telah menonjolkan Manifesto "Menuju Negara Berkeadilan" atau "*A Caring and Service Oriented Nation*" di mana strateginya ialah untuk memberikan penekanan dan kepentingan terhadap pengurusan ekonomi dan kekayaan negara supaya ianya diurus secara bijak dan mampu

membawa pembangunan yang seimbang kepada rakyat dan negara. Buat pertama kalinya matlamat PAS adalah menafikan dua pertiga majoriti dan tidak menonjolkan secara terang-terangan pembentukan sebuah negara Islam. Justifikasinya ialah kalau cuma bertanding di 60 kawasan parlimen, bagaimanakah hasrat menubuhkan sebuah negara Islam boleh dicapai.<sup>20</sup>

Parti Keadilan Rakyat (PKR) pula mempelopori slogan "Harapan Baru Untuk Malaysia". Azam dan tekad PKR dalam risalah yang diedarkan adalah untuk menyediakan kehidupan yang lebih baik untuk rakyat dan prihatin terhadap keperluan mereka. Disamping memacu pertumbuhan ekonomi dan menjamin keadilan sosial yang bebas dari amalan rasuah dan kronism. Dalam mengemukakan Agenda Ekonomi Malaysia untuk menggantikan Dasar Ekonomi Baru,<sup>21</sup> Anwar Ibrahim telah menyatakan, "Prinsip keadilan dipupuk, nasib rakyat miskin dan terpinggir dibela, ketidakadilan dan diskriminasi disanggah. Ciri-ciri kebejatan sosial dan ekonomi yang merosak dan menggugat keutuhan sistem terutamanya rasuah dan penyalahgunaan kuasa, membelai kelompok kecil keluarga, kroni dan golongan kaya serta meminggirkan majoriti rakyat mesti ditolak".<sup>22</sup> Faktor Anwar Ibrahim sendiri menjadi faktor utama dalam memastikan kejayaan Pakatan Rakyat dalam Pilihan Raya Umum yang ke-12.<sup>23</sup>

Ketiga-tiga parti telah sepakat untuk mengemukakan kempen berdasarkan kepada isu-isu berikut. Pertama, kos sara hidup yang semakin membebankan rakyat. Kedua, keselamatan rakyat yang mengancam kehidupan. Ketiga, tanggungjawab terhadap rakyat yang semakin terabai Keempat, jurang antara kaya dan miskin yang semakin melebar Kelima, khidmat kesihatan dan pendidikan diperniagakan untuk keuntungan. Keenam, penyelewengan kuasa dan rasuah menjadi parah dan membarah. Ketujuh, khazanah dan kekayaan negara terus dibolot oleh kroni. Kelapan, prinsip demokrasi dicabuli dan hak asasi rakyat dinafikan.<sup>24</sup> Kempen dengan menggunakan isu-isu yang disebutkan tadi telah dibawa menerusi media alternatif yang menjadi alat paling berkesan dalam melawan media arus perdana yang dikawal oleh pemerintah.<sup>25</sup>

Salah satu kejayaan PAS dalam PRU ke-12 ini adalah bagaimana mereka berjaya mendapatkan undi bukan Islam. Beberapa strategi telah dirangka dalam proses mendapatkan sokongan tersebut. Antaranya ialah dengan penubuhan Kelab Penyokong PAS yang merupakan satu tuntutan merentasi batasan kaum. Dalam menghadapi cabaran terkini, Islam menjadi sasaran khusus dengan fitnah yang mencacatkan lagi wajahnya di kalangan golongan bukan Islam. PAS telah berjaya melakukan anjakan paradigma sekaligus memecah tembok pemisahan, apabila berjaya mendapat sokongan secara langsung

daripada kalangan bukan Islam, tanpa mempertikaikan segala pendekatan untuk menjadikan Islam sebagai penyelesaian terhadap masalah kehidupan bernegara.<sup>26</sup>

.PAS juga telah membawa lembaran baru dalam politik negara apabila meletakkan seorang calon PAS dari Lajnah Perpaduan Nasional Kaum India Johor iaitu calon wanita Kumutha a/p Rahman seorang pemegang ijazah undang-undang dari Britain yang bertanding di DUN Tiram. Pencalonan Kumutha itu membuktikan PAS turut memberi tempat kepada penyokong bukan Islam untuk turut mewakili parti itu. Di dalam poster dan banner, PAS juga telah berjaya mempromosikan slogan PAS for All ataupun PAS untuk semua.<sup>27</sup>

Kemenangan Pakatan Rakyat untuk menubuhkan beberapa kerajaan negeri di Kedah,<sup>28</sup> Pulau Pinang,<sup>29</sup> Perak<sup>30</sup> dan Selangor<sup>31</sup> dan juga berjaya menafikan dua pertiga majoriti BN di Parlimen telah membuka lanskap baru politik Malaysia. Berkemungkinan ujudnya sistem dua parti di Malaysia tidak boleh disangkal apabila dua gabungan parti politik sebagai semak dan imbang dapat direalisasikan dan sudah tentu ia memberikan pilihan mudah kepada rakyat, iaitu samada memilih Barisan Nasional ataupun Pakatan Rakyat. Paling menariknya ialah kedua-dua gabungan parti mempunyai ciri-ciri Islam sebagai teras, bangsa Melayu sebagai tunjang dan komponen masyarakat majmuk sebagai realiti kekuatan masyarakat Malaysia.<sup>32</sup>

Hubungan antara kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri juga tidak boleh dibuat dengan cara lama kerana kemenangan serentak pembangkang di lima buah negeri membolehkan mereka menubuhkan sekretariat yang boleh menguatkan kedudukan kerajaan Pakatan Rakyat tersebut.<sup>33</sup> Paradigma baru dari segi politik adalah diperlukan dalam melihat politik Malaysia selepas PRU ke-12, 2008.<sup>34</sup>

## **AKSI POLITIK PERTUBUHAN SUKARELA ISLAM PASCA PRU KE-12**

Dewasa ini terdapat cabaran kepada kedudukan Islam. Umat Islam di Malaysia adalah merupakan golongan majoriti yang terpinggir (*marginalised majority*), kerana tidak boleh menjalani kehidupan seperti yang dituntut oleh syariah. Walaupun pelaksanaan Islam di Malaysia adalah amat terhad, telah terdapat usaha yang gigih untuk mencabar dan mentakrifkan semula kedudukan Islam itu. Usaha-usaha beberapa kelompok hak asasi manusia telah terarah untuk menghapuskan kedaulatan Islam dalam Perlembagaan dengan berhujah bahawa Malaysia adalah sebuah negara sekular.



Selain daripada itu terdapat usaha untuk menafsirkan Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan (Islam sebagai Agama Persekutuan dan Kedudukan Raja-Raja sebagai Ketua Agama di Negeri masing-masing) hanya sekadar untuk tujuan keraian semata-mata (*ceremonial*). Begitu juga terdapat usaha untuk meminda Perkara 121 (1A) untuk memberikan kuasa mahkamah tinggi sivil untuk melaksanakan *judicial review* bagi menyemak dan mengubah keputusan Mahkamah Syariah serta mencabar kedudukan Mahkamah Syariah sebagai tidak mempunyai asas dalam Perlembagaan dan tidak setanding dengan Mahkamah Sivil.<sup>35</sup>

Terdapat juga kelompok hak asasi manusia yang berusaha untuk menyamatarafkan semua agama di negara ini dan memperjuangkan kebebasan secara mutlak di kalangan umat Islam. Usaha dilakukan untuk membolehkan orang Islam bebas untuk murtad, membela ajaran sesat, menafsirkan al-Quran mengikut kefahaman sendiri, mempersoalkan Institusi Fatwa kerana dikatakan bercanggah dengan semangat berperlembagaan dan telah menjadi badan pembuat undang-undang ketiga selain daripada DUN dan Parlimen. Usaha juga dilakukan untuk merosakkan jurisprudens Syariah dengan pentafsiran dan pendekatan liberal dan mendokong tafsiran bahawa pegangan agama, kepercayaan dan cara mengamalkannya adalah hal persendirian yang tidak sepatutnya disentuh oleh mana-mana pihak berkuasa serta menghapuskan undang-undang kawalan moral berasaskan agama.<sup>36</sup>

Kerjasama dan koordinasi antara gerakan dakwah Islam adalah diperlukan untuk memberikan impak yang besar kepada masyarakat. Dengan isu-isu semasa dan percubaan untuk menafikan hak perlembagaan berkaitan dengan Islam terutama yang datang daripada gerakan sekular liberal di Malaysia, ABIM dan JIM telah berusaha untuk menyatukan kesemua Pertubuhan Sukarela Islam dengan mempertahankan Kontrak Sosial Kemerdekaan yang telah menatijahkan Kedudukan istimewa Orang-orang Melayu yang menjadi tunjang kepada Perlembagaan.<sup>37</sup>

ABIM telah mengistiharkan penentangannya kepada beberapa gerakan yang melemahkan umat Islam seperti Islam Liberal, Pluralisma Keagamaan dan juga pejuang hak asasi manusia yang berteraskan kepada sekularisma.<sup>38</sup> ABIM berusaha untuk menentang elemen yang cuba menjadikan Perlembagaan Persekutuan sebagai sebuah perlembagaan yang sekular. ABIM berusaha untuk menjelaskan kedudukan Islam sebagai asas kepada perlembagaan persekutuan, walaupun dari segi hakikatnya ia tidak menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam, tetapi ia juga tidak bermakna Malaysia sebuah negara sekular.<sup>39</sup>

ABIM telah menjadi penggerak utama kepada PEMBELA (Pertubuhan-Pertubuhan Pembela Islam) dan juga ACCIN (Allied Coordinating Committee on Islamic Non Governmental Organization). PEMBELA adalah gabungan 70 pertubuhan NGO Islam dimana ianya tertubuh daripada mesyuarat

ACCIN yang merupakan gabungan 14 pertubuhan NGO Islam yang pada peringkat awalnya ditubuhkan untuk menentang penubuhan Interfaith Commission (IFC).<sup>40</sup>

Kemunculan PEMBELA adalah ekoran daripada kes-kes Lina Joy dan Moorthy Maniam dalam bulan Julai 2006 yang boleh mengancam autoriti Mahkamah Syariah. Selain daripada itu pada 29 September 2007 ABIM telah mengepalai satu penghantaran memorandum yang mengandungi 701,822 tandatangan kepada Yang Dipertuan Agong dan Perdana menteri atas usaha setengah kelompok terutamanya IFC untuk merombak Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan berkaitan dengan kebebasan beragama.<sup>41</sup> Mahkamah Persekutuan yang juga telah menolak permohonan Lina Joy telah juga mendapat dokongan dari PEMBELA.<sup>42</sup>

Profesional Islam dan peguam-peguam Islam telah menyokong usaha PEMBELA kerana mereka takutkan kes-kes yang melibatkan murtad didengar di Mahkamah Sivil akan menyebabkan meningkatnya kes murtad melalui saluran undang-undang. Kepimpinan ABIM dalam PEMBELA dan ACCIN tergambar jelas apabila dalam setiap kenyataan akhbar dipimpin oleh Yusri Mohamad sendiri iaitu Presiden ABIM. Dalam menyambut ulangtahun kemerdekaan ke-50, PEMBELA dan ACCIN sendiri telah mengeluarkan kenyataan membantah Deklarasi Merdeka yang dibuat oleh ASLI (Asian Strategi and Leadership Institute) yang mengemukakan konsep Agenda Malaysia Baru.<sup>43</sup>

PEMBELA juga membuat satu permintaan khusus untuk Pilihan raya ke-12 yang meminta supaya pengundi memilih calon yang mempunyai kelakuan yang berintegriti dan berkelakuan baik tidak kira mana-mana parti politik yang boleh memperjuangkan hak orang Melayu Islam dan juga parti politik yang dapat memperkukuhkan kedudukan mahkamah syariah. Dalam memperjuangkan hak orang Melayu Islam, ABIM telah menjadi suara yang kuat bagi pihak pertubuhan sukarela Islam.<sup>44</sup>

Keputusan Pilihanraya Umum Ke-12 baru-baru ini telah menambahkan lagi kegelisahan umat Islam. Reaksi spontan mencari kekuatan dalam berbagai-bagai gabungan yang menuntut supaya umat bersatu adalah penjelmaan kepada kekhawatiran bahawa tempat bergantung yang diharapkan selama ini iaitu parti politik orang Islam dan kerajaan telah menjadi semakin rapuh. Walaupun keresahan, kegelisahan dan kekhawatiran kerap menjadi dorongan untuk bertindak, namun bagi pertubuhan sukarela Islam dorongan yang lebih kuat adalah untuk memenuhi tuntutan berjamaah dalam melaksanakan misi Islam itu sendiri.<sup>45</sup>

Pertubuhan Sukarela Islam telah membincangkan isu ini di dalam banyak kesempatan. Kesemuanya menunjuk kepada satu arah iaitu umat Islam perlu bersatu di dalam satu gagasan yang kuat. Beberapa siri perbincangan telah diadakan di antara Pertubuhan Sukarela Islam yang menganggotai Majlis Amal Islami Malaysia (MAIM) yang diusahakan oleh YADIM telah bersepakat untuk menubuhkan satu gabungan yang menghimpunkan sebanyak mungkin Pertubuhan Sukarela Islam. Tujuannya adalah untuk mewujudkan satu lagi institusi ummah yang menjadi tapak kekuatan di samping dapat memberikan kekuatan politik kepada umat Islam.<sup>46</sup>

## **AKSI POLITIK ISLAM PASCA PRU KE-12**

Rentetan Pilihan Raya kecil yang berlaku bermula dengan PRK Permatang Pauh mempunyai tema dan persaingannya yang tersendiri. PRK Permatang Pauh menampilkan percubaan Anwar Ibrahim untuk kembali ke pentas politik.<sup>47</sup> Dengan gagasan untuk menawan Putrajaya pada 16 September 2008, Anwar Ibrahim telah berjaya memperkuatkan kesepakatan di dalam Pakatan Rakyat untuk memastikan supaya misi beliau itu berjaya.<sup>48</sup> Sudah pasti ianya tidak mudah kerana timbul isu liwat dan sumpah laknat yang kesemuanya menguasai kempen PRK tersebut.<sup>49</sup> Walaupun dengan pelbagai cabaran dan kempen yang penuh dengan *character assassination*, namun Anwar Ibrahim tetap menang dengan majoriti yang meningkat.<sup>50</sup> Dalam PRK Kuala Terengganu pula, kredibiliti calon menjadi pertaruhan.<sup>51</sup> Percubaan PAS untuk kembali menapak di Terengganu telah menimbulkan kembali isu-isu tradisi Islam seperti pembentukan sebuah negara Islam dan pelaksanaan hukum hudud.<sup>52</sup>

Begitu juga di dalam PRK Bukit Gantang, pencapaian PAS dalam mempertahankan hak orang Islam dipertikaikan kerana terlalu tunduk dengan DAP. Namun PAS telah membawa pendekatan baru dengan menjuarai isu-isu demokrasi dan persepakatan antara kaum. UMNO tidak mempunyai pilihan lain selain daripada cuba untuk kembali kepada isu kepimpinan Islam dan masa depan Melayu. Begitu juga di Manek Urai, Permatang Pasir dan Bagan Pinang, PAS terpaksa cuba untuk meleraikan permasalahan dalaman disamping cuba untuk menampilkan penyelesaian kepada konsep PAS for All yang dijaja semenjak Pilihan Raya Umum yang lalu.

Dalam melihat kepada aksi politik Islam terutamanya mencari jalan tengah, analisis akan cuba dibuat berasaskan kepada isu calon, penggunaan simbol Islam dalam kempen pilihan raya, isu-isu hudud, pengertian pakatan dan permuafakatan, dan isu perpaduan UMNO-PAS yang menatijahkan perpecahan dalam PAS sendiri. Isu hegemoni parti pemerintah iaitu BN masih menjadi isu besar terutamanya selepas BN kehilangan kekuatannya selepas PRU ke-12.<sup>53</sup>

Dalam siri pilihan raya kecil, PAS telah menggunakan sepenuhnya kerjasama erat dalam Pakatan Rakyat. Ia ditunjukkan secara jelas dalam PRK Kuala Terengganu apabila secara terbuka setiap program telah dilakukan secara bersama. Pemimpin PKR dan DAP yang telah turun semenjak penamaan calon lagi telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam permuafakatan parti-parti politik. Pemimpin DAP turut tidak terkecuali dalam berkempen dan memberikan sokongan. Tumpuan DAP dalam PRK Kuala Terengganu adalah di kawasan majoriti Cina.<sup>54</sup>

Dapat dilihat dalam poster besar telah memuatkan wajah Nik Aziz Nik Mat, Abdul Hadi Awang, Anwar Ibrahim, Lim Kit Siang dan calon diletakkan bersekali. Ini merupakan satu keberanian baru PAS untuk meletakkan gambar Lim Kit Siang di kawasan majoriti Melayu yang dulunya dilihat sangat sensitif. Buat pertama kali dalam sejarah pilihan raya gambar Lim Kit Siang boleh diletakkan sebaris dengan para pimpinan PAS di kawasan majoriti Melayu adalah satu perubahan besar dalam senario politik Malaysia. Namun jentera PAS juga meletakkan gambar Abdul Wahid Endut dan Anwar Ibrahim sahaja di kawasan pengundi majoriti Cina di DUN Bandar adalah usaha taktikal untuk meraih udi daripada masyarakat Cina.<sup>55</sup>

Dalam PRK Bukit Gantang pula PAS telah mempertahankan tindakan DAP yang menggunakan ayat Quran atas alasan dakwah. Isu ini bermula apabila Nga Kor Ming membaca ayat al-Quran ayat 90 surah An-Nahl, di dalam ceramahnya sewaktu kempen PRK Bukit Gantang. Isu tersebut menjadi polemik di kalangan tokoh agama dan politik. Ust. Ahmad Awang selaku Pesuruhjaya PAS negeri Perak mempertahankan tindakan pemimpin DAP tersebut atas alasan dakwah.<sup>56</sup>

Namun bagi Mufti Perak, Datuk Seri Harussani Zakaria ianya tidak dibenarkan kerana ianya dibacakan semasa kempen pilihan raya sedangkan dia tidak percayakan Islam. Proses mempertahankan tindakan sebuah parti dalam pakatan yang sama adalah satu risiko besar buat PAS yang berkemungkinan akan hilang sokongan dari umat Melayu Islam. Namun memikirkan kepada politik jangka panjang dan permuafakatan yang erat dalam Pakatan Rakyat, ianya perlu ditepis.<sup>57</sup>

Begitu juga dalam PRK Permatang Pasir, PAS terpaksa mempertahankan kedudukan kerajaan DAP di Pulau Pinang atas asas persepakatan. Walaupun pada ketika itu berlaku perdebatan dimana Islam telah mula dipinggirkan oleh kerajaan Pulau Pinang dan suara Islam dalam kerajaan Pulau Pinang telah berkurangan. Atas aspek inilah pendekatan utama PAS di Permatang Pasir ialah berusaha untuk mendapatkan 75 peratus pengundi Cina dengan menekankan tentang *success story* pemerintahan DAP dan Lim Guan Eng di Pulau Pinang.<sup>58</sup> Manakala di kawasan Melayu, PAS akan menekankan isu

pengkhianat disamping mempertahankan bahawa sejak DAP mengambil alih kerajaan negeri, peruntukkan Islam telah dinaikkan terutamanya kenaikan elaun guru KAFA di Pulau Pinang dan juga percubaan Lim Guan Eng untuk menjadikan Khalifah Umar Abdul Aziz sebagai contoh dan tauladan.<sup>59</sup>

Dalam PRK Bagan Pinang pula, PAS turut merayakan Hari Tanglung yang dianjurkan oleh DAP Negeri Sembilan. Pada 3 Oktober 2009 di Pusat DAP Teluk Kemang, pemimpin PAS turut merayakan perayaan Hari Bulan. Dengan mengambil kira falsafah perayaan tersebut, Nizar Jamaluddin sebagai tetamu utama pada ketika itu telah menyebutkan bahawa kerajaan BN adalah lebih teruk daripada Dinasti Yuan dalam zaman Monggol dan meminta pengundi Cina bertindak seperti pejuang Cina Han yang akhirnya melahirkan perayaan bulan. Satu pendekatan baru timbul apabila calon PAS sendiri membahagikan kuih bulan dan belon kepada kanak-kanak sepertimana dalam tradisi Cina.<sup>60</sup>

Persaingan jalan tengah tergambar jelas apabila berlaku perdebatan tentang penggunaan kalimah Allah terutamanya antara parti politik UMNO dan Pakatan Rakyat. Ianya adalah ekoran daripada keputusan Hakim Datuk Lau Bee Lan pada 31 Disember telah membenarkan Titular Roman Catholic Archbishop of Kuala Lumpur menggunakan kalimah Allah dalam penerbitan minggunya, Herald – The Catholic Weekly. Penghakiman tersebut dilihat sebagai menghakis keistimewaan agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan.<sup>61</sup>

Pentingnya untuk dilihat ialah berlakunya perdebatan antara pendekatan politik yang dibawa oleh parti politik adalah berlawanan dengan Pertubuhan Sukarela Islam yang diwakili oleh ABIM dan JIM. PAS sendiri mengambil keputusan berdasarkan kepada kaedah Islam iaitu membenarkan penggunaan nama Allah untuk digunakan oleh agama samawi seperti Keristian dan Yahudi. Namun begitu penggunaan kalimah Allah secara salah dan tidak bertanggungjawab mestilah dielakkan supaya ianya tidak menjadi isu yang boleh menjejaskan keharmonian kaum dan agama dalam negara ini. Begitu juga Parti Keadilan Rakyat yang mengambil pendekatan dakwah untuk membolehkan penggunaan kalimah Allah dikalangan masyarakat bukan Islam. Pandangan kedua-dua parti politik PAS dan PKR banyak mengambil hujah yang dikemukakan oleh Yusof Qaradhawi dan Wahba Zuhaili.

Bagi Pertubuhan Sukarela Islam sendiri provokasi keagamaan perlulah dihindari dan segala tuntutan yang menjadi keberatan umat Melayu Islam mestilah dihentikan. Apapun yang berlaku pada pemakaian kalimah Allah di luar Malaysia tidak semestinya relevan dengan masyarakat Malaysia. Sepertimana yang disebutkan oleh Siddiq Fadzil, “Realiti sejarah dan budaya Malaysia memang tidak memungkinkan pemakaian kalimat Allah di luar konteks keislaman. Fiqh kita mengambil kira ‘uruf ahl

al-balad (budaya warga setempat). Antara yang harus menjadi pertimbangan utama dalam isu ini ialah mafsadah atau kesan buruknya yang perlu dihindari”.<sup>62</sup>

## KESIMPULAN

Persaingan merebut pengaruh masyarakat bukan Islam telah merubah aksi politik dan tingkah laku yang sememangnya membudaya semenjak kemerdekaan. Dengan mengambil jalan tengah PAS telah berjaya mendapat keuntungan yang besar dari segi politik pilihan raya apabila PAS mula diterima sebagai komponen yang bermanfaat dalam konteks realiti politik masyarakat majmuk. BN terutamanya UMNO cuba untuk mengekalkan imej toleransinya yang semakin hilang dengan mengemukakan konsep 1 Malaysia. Isu-isu perundangan Islam dan pelaksanaan proses Islamisasi yang dulunya menjadi modal politik parti-parti politik telah mula diletakkan kepada bahu pertubuhan sukarela Islam untuk memperjuangkannya.

---

## Nota Akhir

- <sup>1</sup> Clive Kessler menyebutkan proses UMNO mempertahankan Islam melangkaui lebih jauh sehinggakan kepada isu yang menyentuh kebebasan beragama. Isu ini telah menyebabkan beberapa Badan Bukan Kerajaan seperti Sister in Islam mengkritik dasar UMNO walaupun sebelum ini pertubuhan ini adalah dikategorikan sebagai pendokong kuat kerajaan.. Lihat Clive Kessler, *Islam, the State, and Freedom of Religion in Malaysia, Foreign Policy in Focus (FPiF)*, November 16, 2005. Lihat juga Zainah Anwar, *Islamisation and Its Impact on Laws and the Law Making Process in Malaysia, WLUM Publications*, December 2004, hlm. 71-77.
- <sup>2</sup> Noraini Othman, *Globalization, Islamic Resurgence, and State Autonomy*, hlm. 253
- <sup>3</sup> Ibid. hlm. 254
- <sup>4</sup> Hussain Mohamed, *Keajaiban UMNO: Sistem Sokongan dan Kelangsungan Parti Politik Melayu, Pemikir*, Oktober-Disember 1998, hlm. 29.
- <sup>5</sup> Noraini Othman, *Globalization, Islamic Resurgence, and State Autonomy*, hlm. 255.
- <sup>6</sup> Musa Hitam telah memberikan komentar bahawa semakin lama dalam politik Malaysia, UMNO sudahpun menggunakan kaedah PAS dan PAS sudahpun mengikut cara UMNO. “UMNO seems to be adopting PAS’s method and PAS seems to be going UMNO’s way”. Lihat Musa Hitam, *Islam and State in Malaysia*, No. 9, Institute of Southeast Asian Studies, September 2001, hlm. 7.
- <sup>7</sup> Bermula tahun 2005, PAS telah mula merangka strategi dengan menegaskan kembali dasar-dasar perjuangan PAS. Presiden PAS dalam Ucapan Dasar Muktamar Tahunan PAS Kali ke 51 telah menggariskan Tujuh Paksi besar. Paksi 1: Perumusan Visi dan Misi perjuangan yang berteraskan fikrah Islam yang somimah – jati dan suci, yang diolah secara terkini. Paksi 2: Strategi parti dan pelan tindakan yang realistic serta mampu menangani tuntutan- cabaran persaingan politik semasa. Paksi 3: Kesepaduan dan gandingan kepemimpinan yang serasi dengan konteks reality dan tahap perjuangan parti kini. Paksi 4: Pengembelian keiltizaman seluruh ahli yang mendukungi parjuangan dengan kejelasan fikrah perjuangan parti. Paksi 5: Pemantapan pentarbiyahan dan latihan bagi meningkatkan keterampilan yang menepati tuntutan dakwah- siasah perjuangan, Paksi 6: Pengurusan parti yang mantap dan organisasi yang bersedia untuk memanfaatkan kaedah pengurusan mutakhir. Paksi 7: Program dakwah dan siasah yang melebarkan sokongan yang merentasi semua kelompok dan segmen rakyat dan pengundi. Sila lihat Riduan Mohamad Nor. Abdul Hadi Awang. hlm. 204-213
- <sup>8</sup> Chandra Muzaffar menyebutkan kejayaan Abdullah bergantung sepenuhnya kepada bagaimana caranya menukar kaedah Islam yang dogmatic kepada pemahaman Islam yang lebih moden dan progresif terutamanya isu-isu tentang Islam yang perlu diselesaikan seperti Undang-undang keluarga Islam, kurikulum untuk pelajar Islam dan orientasi guru-guru Islam. Tadbir urus yang baik atau good governance telah diharapkan untuk menjadi dasar kerajaan terutamanya dalam memulihkan integriti beberapa institusi seperti kehakiman, dewan perundangan dan perkhidmatan awam. Rakyat menuntut supaya penghapusan rasuah yang dijanjikan dapat dilakukan dengan segera dengan mengujjudkan Agensi Badan Pencegahan Rasuah yang bebas dari eksekutif. Begitu juga dengan isu politik wang yang membarah perlu dirombak supaya masyarakat yang lebih beretika dapat diujjudkan. Tetapi dalam perlantikan pertama kabinet selepas Pilihan raya umum ke 11, 2004, Abdullah Badawi masih mengekalkan kebanyakan pemimpin lama yang telah dikaitkan dengan pelbagai isu dalam zaman Dr. Mahathir. Lihat

- Chandra Muzaffar, Malaysians Hope for Reform, *Far Eastern Economic Review*, April 8, 2004; 167,14; Academic Research Library, hlm. 24.
- 9 Bridget Welsh sendiri telah menganalisa beberapa kelemahan Abdullah Ahmad Badawi sebelum PRU ke-12 lagi apabila beliau memberikan beberapa kelemahan seperti meningkatnya ketegangan etnik, meningkatkan lagi kebergantungan kerajaan kepada sistem pernaungan dan kelemahan daripada segi membuat keputusan. Bridget Welsh, Malaysia at 50, hlm.173-179. Lihat juga Yahaya Ismail, *Tsunami Politik Anti Pak Lah*, Kuala Lumpur: Usaha Teguh Sdn Bhd., 2008 dan S.H. Alattas, *Gerhana Raja dan Malaysia Today*, Kuala Lumpur: JB News Media Network, 2008. Dalam dunia siber terdapat usaha untuk memburukkan kredibiliti Abdullah Ahmad Badawi apabila tersebar artikel yang ditulis oleh Ahli UMNO Kedah dengan tajuk 70 Dalil Pak Lah Hilang Kelayakan Memimpin Negara. Telah terbit sebuah buku untuk menyanggah tulisan tersebut. Sila lihat Syeikh Abu Muhammad Iqamuddin, *Pak Lah, Pemimpin Gemilang (Jawapan Kepada Tuduhan 70 Dalil)*, Selangor: RR Media, 2008. Elias Hj. Idris dalam bukunya juga menyebut tentang isu-isu yang berlaku menampakkan kelemahan pentadbiran Abdullah Ahmad Badawi, antaranya ialah kenaikan harga minyak dan tol, kejadian jenayah yang meningkat dan juga penyalahgunaan kuasa pihak polis. Elias Hj. Idris, *Siapa PM Selepas Ini*, Selangor: SungaiBeruas Mart, 2008, hlm. 11-37. Ruhanie Ahmad pula telah menilai campurtangan kuasa asing yang melemahkan pentadbiran Abdullah Ahmad Badawi. Lihat Ruhanie Ahmad, *The Toyol Code: Campurtangan Kuasa Asing dalam Pilhan Raya ke-12?*, Kuching: Sabbens Sdn. Bhd., 2007.
  - 10 Lihat Azizan Ahmad, *BN Menang Dalam Kekalahan*, Kuala Lumpur: Arjuna Anggun Publication, (?)
  - 11 Syed Serajul Islam, 2008 Elections and the Political System of Malaysia: A Political Tsunami, *Asian Profile*, Vol. 36, No. 3, June 2008, hlm. 267.
  - 12 Dzulkefly Ahmad, The Political Tsunami Explained, dalam Nathaniel Tan and John Lee, *Political Tsunami: An End to Hegemony in Malaysia?*, Kuala Lumpur: Kinibooks, 2008, hlm. 29. Lihat juga Johan Saravanamuttu, *Affairs 2009*, Singapore: ISEAS, 2009, hlm. 175.
  - 13 Johan Saravanamuttu, Malaysia: Political Transformation and Intrigue in an Election Year, hlm. 176. Lihat juga Maznah Mohamad, Malaysia: Democracy and the End of Ethnic Politics? *Australian Journal of International Affairs*, Vol. 62, no. 4 (December 2008), hlm. 446.
  - 14 Lihat Mohammad Redzuan Othman, Azami Zaharim dan Ahmad Azam Abdul Rahman, Persepsi Terhadap Pendekatan Islam Hadhari dan Kekalahan Barisan Nasional Dalam Pilihan Raya Umum ke-12, dalam Worrn Kabul et. al. *Politik Malaysia: Lanskap Politik*, hlm. 445-463.
  - 15 Menurut kajian yang dilakukan oleh Mohammad Redzuan Othman selepas dua bulan Pilihan raya Umum ke-12 berdasarkan kajian yang melibatkan 3443 responden, 54.16 peratus responden menolak pelaksanaan Islam Hadhari, manakala hanya 45.84 peratus menerimanya. Mohammad Redzuan Othman, Pendekatan Islam Hadhari dan Pilihan Raya Umum ke 12, hlm. 174. Matthias Chang pula meletakkan segala kesalahan kepada Abdullah Ahmad Badawi terutamanya dari segi kepimpinan dan ketegasannya sebagai pemimpin, selain daripada masalah peribadi beliau. Lihat Matthias Chang, *Will Barisan Nasional Survive Beyond 2010*, Kuala Lumpur: 21<sup>st</sup> Century Strategic Studies, 2008. Begitu juga Dr. Mahathir Mohamad dalam tulisan di blognya yang bertajuk Pemimpin Pemusnah. Lihat Mahathir Mohamad, *chedet.com: Blog Merentas Halangan (Blogging to Unblock)*, Kuala Lumpur: Berita Publishing, 2008, hlm. 34-37.
  - 16 Farish A. Noor, Rest in Peace, Islam Hadhari, <http://blog.rest-in-peace-islam-hadari/>
  - 17 Namun kerajaan campuran DAP, PKR dan PAS yang diterajui oleh Dato' Seri Nizar Jamaluddin tumbang pada 6 Februari 2009 apabila Dato' Zambry Abdul Kadir mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Perak. Ini adalah ekoran daripada dua wakil rakyat dari PKR dan seorang wakil rakyat dari DAP mengistiharkan keluar daripada parti PKR dan DAP dan menjadi wakil rakyat Bebas, manakala seorang lagi wakil rakyat UMNO yang keluar dari UMNO untuk menyertai PKR telah berpatah balek untuk menyokong UMNO.
  - 18 Ooi Kee Beng et. al., March 8: Eclipsing May 13, hlm. 17.
  - 19 Neil Khor Jin Keong dan Khoo Kay Peng dalam bukunya Non Sectarian Politics in Malaysia telah memberikan beberapa faktor kenapa DAP berjaya di Pulau Pinang. Pertamanya ialah isu Ketua Menteri Pulau Pinang, isu Hindraf, gerakan Anything But UMNO (ABU), isu Khairy Jamaluddin, serangan Dr. Mahathir kepada Abdullah, faktor Anwar Ibrahim, kekacauan etnik dan agama dan kelemahan dalam Gerakan sendiri sebagai sebuah parti. Neil Khor Jin Keong dan Khoo Kay Peng, *Non Sectarian Politics in Malaysia: The Case of Parti Gerakan Rakyat Malaysia*, Kuala Lumpur: Trafalgar Publishing House, 2008, hlm. 134-175.
  - 20 Parti Islam SeMalaysia, *Menuju Negara Berkeadilan*, Dokumen Manifesto PAS PRU 12, 2008. Lihat juga Johan Saravanamuttu, A Tectonic Shift in Malaysian Politics, dalam Ooi Kee Beng et. al., March 8, hlm. 51.
  - 21 Terdapat beberapa pandangan yang mengatakan antara salah satu sebab kenapa BN tewas di kawasan Cina adalah kerana keinginan Abdullah Ahmad Badawi untuk menyambung Dasar Ekonomi Baru. DEB yang berbentuk lama telah dipertikaikan oleh pembangkang yang disifatkan sebagai dasar yang tidak adil. Sila lihat Khoo Kay Peng, NEP source of BN's Downfall, dalam Nathaniel Tan and John Lee, *Political Tsunami: An End to Hegemony in Malaysia?*, Kuala Lumpur: Kinibooks, 2008, 32-34.
  - 22 Agenda Ekonomi Malaysia dijelaskan oleh Anil Netto, Malaysia rocked to the Economic Core, dalam Nathaniel Tan and John Lee, *Political Tsunami: An End to Hegemony in Malaysia?*, Kuala Lumpur: Kinibooks, 2008, hlm. 88-91. Untuk melihat kesan ekonomi global dan bagaimana keupayaan Anwar Ibrahim menggunakan isu tersebut dalam Pilihan Raya 2008, Lihat Mohd. Mahadee Ismail dan Ab. Bassit Husin, Globalisasi Ekonomi Politik dan Impaknya ke Atas Politik Malaysia: Pilihan Raya 2008, dalam Worrn Kabul et. al., *Politik Malaysia: Lanskap Politik Malaysia*, hlm. 105-124.

- <sup>23</sup> Muhamad Nadzri dalam analisisnya menyebutkan beberapa faktor kekuatan Anwar Ibrahim. Antaranya ialah dirinya sebagai ideologue, berwibawa, berkharisma, popular dan berupaya memberikan alternative yang bermakna. Keduanya pula ialah keupayaannya mengkoordinasi kekuatan dan strategi parti-parti oposisi dalam menyaingi BN. Muhamad Nadzri Mohamed Noor, *Politik Malaysia di Persimpangan: Praktik Politik dalam PRU 2008 dan Kontemporari*, Petaling Jaya: SIRD, 2009, hlm. 51.
- <sup>24</sup> Kempen strategi ini telah dijelaskan oleh Mutharasan, *Winning Strategies of Anwar Ibrahim*, Kuala Lumpur: Focus Media Enterprise, 2008. Hegemoni media BN telah berjaya dipatahkan oleh Pakatan Rakyat. Sila lihat Hishamuddin Rais, *Keganasan, Penipuan dan Internet: Hegemoni Media Daulah Pecah*, Petaling Jaya: SIRD, 2008.
- <sup>25</sup> Jun-E Tan and Zawawi Ibrahim, *Blogging and Democratization in Malaysia*, Selangor: SIRD, 2008, hlm. 83-99.
- <sup>26</sup> Mujahid Yusof, *Wajah Baru Politik Malaysia*, Selangor: Anbakra Publika, 2009, hlm. 63-73
- <sup>27</sup> PAS telah menjadikan PAS untuk Semua sebagai tema Mukhtar kali ke 54. Ust Abdul Hadi Awang mempertegaskan bahawa PAS untuk Semua adalah berteraskan kepada keyakinan yang tinggi bahawa perjuangan yang PAS bawa adalah merupakan satu amanah untuk memakmurkan sekalian alam Perjuangan PAS adalah bersifat universal, untuk seluruh umat manusia, membawa keadilan sejagat, sebagaimana yang termaktub dalam Bab Ketiga, Fasal 6, Perkara (8), (9) dan (10), Perlembagaan PAS dimana usaha-usaha PAS ialah 1. Memperjuangkan wujudnya kebudayaan Negara berasaskan nilai-nilai yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam. 2. Memperjuangkan hak dan kepentingan umat Islam di Negara ini tanpa mengabaikan tanggungjawab melaksanakan keadilan terhadap seluruh rakyat Malaysia dan tanggungjawab mewujudkan keharmonian antara kaum di dalam Negara ini. 3. Menyertai dan bekerjasama dengan Bangsa-Bangsa Bersatu dan badan-badan lain yang sah bagi mengekalkan keamanan dan menjamin hak-hak asasi manusia serta menghapuskan segala macam kezaliman, kepalsuan, perhambaan dan penindasan di kalangan umat manusia. Ucapan Dasar Mukhtar Tahunan PAS Kali ke 54. Riduan Mohamad Nor. Abdul Hadi Awang. hlm. 360.
- <sup>28</sup> Lihat tulisan Riduan Mohamad Nor dalam Bab Kedah: Pengkalan Politik Baru BA. Riduan Mohamad Nor *Analisis Pilihanraya Umum ke-12: Makkal Sakhti 2008*, Selangor: Jundi Resources, 2008, hlm. 37-46. Lihat juga tulisan Mohd Shuhaimi Embong yang bertajuk Bermula Era Ulamak Dalam Pemerintahan Kedah, dalam Dewan Ulamak PAS Pusat, *25 Tahun Kepimpinan Ulama: Membangun Bersama Islam*, Kuala Lumpur: Nufair Street, 2009.
- <sup>29</sup> Penubuhan kerajaan campuran di Pulau Pinang antara DAP dan PKR adalah agak mudah sehingga membolehkan Lim Guan Eng mengemukakan Agenda for Change – from this Government of the Rakyat. Lihat Lim Guan Eng, Penang DAP and PKR Coalition Government's Agenda For Change, dalam Nathaniel Tan and John Lee, *Political Tsunami: An End to Hegemony in Malaysia?*, Kuala Lumpur: Kinibooks, 2008, hlm. 196-200. Lihat juga Mohd. Sayuti Omar, DAP Milik Pulau Pinang, UMNO Gila Sangkak, dalam Mohd Sayuti Omar, *Perang Salib, Najib-Anwar*, Kuala Lumpur: Tinta Merah, 2009, hlm. 8-11.
- <sup>30</sup> Penerimaan DAP kepada Menteri Besar dari PAS dalam membentuk sebuah kerajaan campuran adalah berdasarkan kepada syarat kejayaan kerajaan campuran tersebut iaitu kebajikan dan kehidupan rakyat di Perak adalah lebih terjamin berbanding dengan kerajaan BN dan keduanya ialah tidak ada polisi Islamisasi yang akan diperkenalkan kerana ianya bertentangan dengan Hak rakyat Malaysia keseluruhannya. Lihat Lim Kit Siang, Time to Move On Into Uncharted Political Waters, dalam Nathaniel Tan and John Lee, *Political Tsunami: An End to Hegemony in Malaysia?*, Kuala Lumpur: Kinibooks, 2008, hlm. 195. Lihat juga Soon Li Tsin, Perak's New Deal, dalam buku yang sama, hlm. 184-185.
- <sup>31</sup> Lihat tulisan John Lee tentang cabaran Selangor untuk menubuhkan sebuah kerajaan campuran PKR-DAP-PAS. John Lee, Breaking Ground in Selangor, dalam Nathaniel Tan and John Lee, *Political Tsunami: An End to Hegemony in Malaysia?*, Kuala Lumpur: Kinibooks, 2008, hlm. 186-188.
- <sup>32</sup> Sila lihat tulisan Baradan Kuppusamy, Two-Party Syatem Taking Shape, hlm. 137-140 dan tulisan Nathaniel Tan, Evolution, Extinction and a Two-Party System, hlm. 141-144, dalam Nathaniel Tan and John Lee, *Political Tsunami: An End to Hegemony in Malaysia?*, Kuala Lumpur: Kinibooks, 2008. Lihat juga tulisan Mohd Noor Yazid, Keputusan Pilihan Raya Umum 2008: Mungkinkah Terbentuknya Sistem Dua Parti di Malaysia, dalam Worrnan Kabul et. al., *Politik Malaysia: Lanskap Politik Malaysia*, hlm. 191-197.
- <sup>33</sup> Terdapat beberapa peristiwa dimana BN diperingkat Pusat masih mengekalkan cara lama dalam hubungannya dengan kerajaan negeri. Diperingkat awal, Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang Dr P Ramasamy telah dilarang untuk mengedarkan bantuan cermin mata kepada pelajar sekolah rendah Tamil. (The Star, 16 May 2008). Menteri Besar Kedah ingin membina gambar besar di sekolah kerana gambar beliau tidak dibenarkan untuk digantung di sekolah-sekolah. (The Star, 11 May 2008). Penubuhan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan kampung Persekutuan, JKKKP dibawah kerajaan Persekutuan. Menurut Francis Loh suasana kini adalah berbeza kerana negeri-negeri tersebut jatuh serentak dan mereka telah menubuhkan secretariat bagaimana untuk berhubungan dengan kerajaan Pusat. Keduanya, Pakatan Rakyat sekarang ini telah menguasai negeri-negeri perindustrian yang boleh dikategorikan sebagai negeri kaya Malaysia sepeerti Selangor, Perak dan Pulau Pinang. Francis Loh Kok Wah, *Old vs New Politics in Malaysia: State and Society in Transition*. Penang: SIRD, 2009, hlm 4-11.
- <sup>34</sup> Lihat Suflan Shamsuddin, *Reset: Rethinking the Malaysian Political Paradigm*, Selangor: ZI Publications, 2008, hlm. 191.
- <sup>35</sup> Zaid Kamaruddin, Bersatu Menegakkan Syariah, Menjamin Kesejahteraan Ummah, Ucapan Dasar Presiden JIM, 2007.
- <sup>36</sup> Ibid.
- <sup>37</sup> Amran Mohamad, Mengapa Penjenamaan Semula ABIM.
- <sup>38</sup> Isu ini diulas oleh Muhammad Uthman el-Muhammady. *Pascamodenism dan Islam : Satu Pandangan Awal*, Selangor: Akademi Kajian Ketamadunan, 2004.
- <sup>39</sup> Lihat Yusri Mohamad, Kemurnian Risalah Paksi Kejayaan Misi Dakwah, hlm. 28-29



- <sup>40</sup> Dalam tahun 2005, Majlis Peguam telah mempelopori satu cadangan untuk menubuhkan Sruhanjaya Antara Agama ataupun Interfaith Commission tetapi any dibantah gabungan pertubuhan Islam yang dinamakan sebagai ACCIN. Tujuan Sruhanjaya ini adalah untuk menubuhkan satu badan yang bertindak sebagai penasihat, perunding untuk mempromosikan keharmonian keagamaan dan perpaduan kebangsaan. PAS dan ACCIN memboikot persidangan ini kerana menganggapnya sebagai anti Islam. Lihat SUARAM, *Malaysia Human Rights Report 2006, Civil and Political Rights*, Petaling Jaya: SUARAM, 2007, hlm. 82-83.
- <sup>41</sup> Memorandum dan Kempen Tanda tangan Diserahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan DYMM Raja-raja Melayu serta YAB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia. Demi Masa 29 September 2007.
- <sup>42</sup> Lihat PEMBELA, Justice has been Served, May, 30, 2007, dalam Nathaniel Tan and John Lee, *Religion Under Siege?, Lina Joy, the Islamic State and Freedom of Faith*, hlm. 21-22.
- <sup>43</sup> Yusri Mohamad, Kemurnian Risalah Paksi Kejayaan Misi Dakwah, hlm. 28-29.
- <sup>44</sup> Ahmad Fauzi Abdul Hamid. Islamist Realignment and the Rebranding of the Muslim Youth Movement of Malaysia. *Contemporary Southeast Asia*. Vol. 30, NO. 2, 2008, hlm. 215-240.
- <sup>45</sup> Zaid Kamaruddin, Meneguh Gagasan Ummah, Menyerlah Kerahmatan Syariah, Ucapan Dasar Presiden JIM, 2008.
- <sup>46</sup> Ibid.
- <sup>47</sup> Lihat Yahaya Ismail, *Anwar Menggugat, Pak Lah, Najib Terjerat*, Kuala Lumpur: Usaha Teguh, 2008. Lihat juga S.H. Alattas, *Dunia Belum Kiamat 1*, Kuala Lumpur: JB News Media Network, 2008.
- <sup>48</sup> Mohd Sayuti Omar, *Jalan Pintas ke Putrajaya: Anwar Perdana Menteri Dalam Penantian*, Kuala Lumpur: Tinta Merah, 2008 dan Elias Hj. Idris, *51 Dalil Anwar Jadi PM*, Selangor: SungaiBeras Mart, 2008.
- <sup>49</sup> Ibrahim Abu Shah et. al., Isu dan Tingkah Laku Pengundi Semasa Pilihan Raya Kecil di Permatang Pauh: Satu Kajian Kes dan tulisan Ismail Sualman, Ilias Md Salleh dan Norsham Firdaus, Media dan Pilihan Raya: Kajian Kes di Pilihan Raya Kecil Permatang Pauh, Pulau Pinang, dalam Worrn Kabul et. al., *Politik Malaysia*, hlm. 139-152. Lihat juga Akmal Adil Abdullah, *Anwar Dituduh Lagi*, Selangor: Black and White Productions, 2008.
- <sup>50</sup> Lihat tulisan Ooi Kee Beng, Is Anwar Unstoppable? Dalam Ooi Kee Beng, *Arrested Reform, The Undoing of Abdullah Badawi*, Kuala Lumpur: REFSA, 2009.
- <sup>51</sup> Shaharuddin Badaruddin, Profil Calon Pilihan Raya Kecil Parlimen Kuala Terengganu, *Prosiding Bengkel Pilihan Raya Kecil Parlimen (P36) Kuala Terengganu Januari 2009*, Kuala Lumpur: Fakulti Sastera dan Sains Sosial, 17 Mac 2009, hlm. 66-82.
- <sup>52</sup> Lihat Mohd. Azlan Zainal, Perspektif Pengundi dan Gambaran Umum Pilihan Raya Kecil Parlimen Kuala Terengganu, dalam *Prosiding Bengkel PRK Kuala Terengganu*, hlm. 12.
- <sup>53</sup> Lihat Muhamad Nadzri Mohamed Noor, *Politik Malaysia di Persimpangan*.
- <sup>54</sup> Tew Peng Kiew, Isu dan Laporan Akhbar Cina Tentang Kempen Pilihan Raya Kecil Parlimen Kuala Terengganu, dalam *Prosiding Bengkel Pilihan Raya Kecil Parlimen (P36) Kuala Terengganu Januari 2009*, Kuala Lumpur: Fakulti Sastera dan Sains Sosial, 17 Mac 2009, hlm. 111-127.
- <sup>55</sup> Berdasarkan pengamatan penulis semasa membuat penyelidikan dalam PRK Kuala Terengganu dari 6 Januari 2009 sehingga 17 Januari 2009 di Kuala Terengganu. Lihat juga Mohammad Redzuan Othman, Makna Sebalik Poster dan Kain Rentang Pilihan Raya Kecil Parlimen Kuala Terengganu, dalam *Prosiding Bengkel Pilihan Raya Kecil Parlimen (P36)*, hlm. 38-65.
- <sup>56</sup> *Majalah al Islam* Jun 2009, hlm. 28.
- <sup>57</sup> Ibid.
- <sup>58</sup> Lihat Wan Hamidi Hamid, *Lim Guan Eng: Dari Penjara Ke Tampuk Kuasa*, Kuala Lumpur: REFSA, 2008, hlm. 80.
- <sup>59</sup> Wong Chin Huat, Can PAS manage victory?, 27 Ogos 2009. editor@thenutgraph.com.
- <sup>60</sup> Menurut pemerhatian penyelidik pada 3 Oktober 2009, calon PAS iaitu Zulkifli Omar telah diiringi oleh Ketua Pemuda DAP Pusat dan memberikan kuih bulan kepada tetamu di kalangan masyarakat Cina seperti tradisi masyarakat kaum Cina. Acara kebudayaan pelbagai kaum juga diadakan menunjukkan pendekatan PAS yang berbeza dengan tradisi kempen masa lalu.
- <sup>61</sup> Utusan Malaysia 5 Januari 2010.
- <sup>62</sup> Dr. Siddiq Fadzil, Allah inti akidah, kenapa Katholik mahu gugat, *Malaysiakini*, 7 Januari 2010.

## BAHAN RUJUKAN

- Clive Kessler, Islam, the State, and Freedom of Religion in Malaysia, *Foreign Policy in Focus (FPiF)*, November 16, 2005
- Zainah Anwar, Islamisation and Its Impact on Laws and the Law Making Process in Malaysia, *WLUML Publications*, December 2004
- Noraini Othman, Globalization, Islamic Resurgence, and State Autonomy, The Response of the Malaysian State to Islamic Globalization, dalam Joan M. Nelson et. al (eds.) *Globalization and National Autonomy: The Experience of Malaysia*, Bangi: IKMAS, 2008.
- Hussain Mohamed, Keajaiban UMNO: Sistem Sokongan dan Kelangsungan Parti Politik Melayu, *Pemikir*, Oktober-Disember 1998

- 
- Musa Hitam, *Islam and State in Malaysia*, No. 9, Institute of Southeast Asian Studies, September 2001
- Riduan Mohamad Nor. *Abdul Hadi Awang Murabbi, Ideologue, Pemimpin*. Selangor: Jundi Resources, 2009.
- Chandra Muzaffar, Malaysians Hope for Reform, *Far Eastern Economic Review*, April 8, 2004; 167,14; Academic Research Library.
- Bridget Welsh, Malaysia at 50 Midlife Crisis Ahead?, *Current History*, April 2007; 106, 699, Academic Research Library.
- Yahaya Ismail, *Tsunami Politik Anti Pak Lah*, Kuala Lumpur: Usaha Teguh Sdn Bhd., 2008.
- S.H. Alattas, *Gerhana Raja dan Malaysia Today*, Kuala Lumpur: JB News Media Network, 2008.
- Syeikh Abu Muhammad Iqamuddin, *Pak Lah, Pemimpin Gemilang (Jawapan Kepada Tuduhan 70 Dalil)*, Selangor: RR Media, 2008.
- Elias Hj. Idris, *Siapa PM Selepas Ini*, Selangor: Sungaiberuas Mart, 2008.
- Ruhanie Ahmad, *The Toyol Code: Campurtangan Kuasa Asing dalam Pilihan Raya ke-12?*, Kuching: Sabbens Sdn. Bhd., 2007.
- Azizan Ahmad, *BN Menang Dalam Kekalahan*, Kuala Lumpur: Arjuna Anggun Publication, (?).
- Syed Serajul Islam, 2008 Elections and the Political System of Malaysia: A Political Tsunami, *Asian Profile*, Vol. 36, No. 3, June 2008.
- Dzulkefly Ahmad, The Political Tsunami Explained, dalam Nathaniel Tan and John Lee, *Political Tsunami: An End to Hegemony in Malaysia?*, Kuala Lumpur: Kinibooks, 2008.
- Johan Saravanamuttu, *Affairs 2009*, Singapore: ISEAS, 2009.
- Johan Saravanamuttu, Malaysia: Political Transformation and Intrigue in an Election Year, dalam Daljit Singh (ed.), *Southeast Asian Affairs 2009*, Singapore: ISEAS, 2009.
- Maznah Mohamad, Malaysia: Democracy and the End of Ethnic Politics? *Australian Journal of International Affairs*, Vol. 62, no. 4 (December 2008).
- Mohammad Redzuan Othman, Azami Zaharim dan Ahmad Azam Abdul Rahman, Persepsi Terhadap Pendekatan Islam Hadhari dan Kekalahan Barisan Nasional Dalam Pilihan Raya Umum ke-12, dalam Worran Kabul et. al. *Politik Malaysia: Lanskap Politik*
- Mohammad Redzuan Othman, Pendekatan Islam Hadhari dan Pilihan Raya Umum ke 12, *Sejarah*, Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya, No. 16, 2008.
- Matthias Chang, *Will Barisan Nasional Survive Beyond 2010*, Kuala Lumpur: 21<sup>st</sup> Century Strategic Studies, 2008.
- Mahathir Mohamad, *chedet.com: Blog Merentas Halangan (Blogging to Unblock)*, Kuala Lumpur: Berita Publishing, 2008.
- Farish A. Noor, Rest in Peace, Islam Hadhari, <http://blog.rest-in-peace-islam-hadari>.
- Ooi Kee Beng et. al., *March 8: Eclipsing May 13*, Singapore: ISEAS, 2008.
- Neil Khor Jin Keong dan Khoo Kay Peng, *Non Sectarian Politics in Malaysia: The Case of Parti Gerakan Rakyat Malaysia*, Kuala Lumpur: Trafalgar Publishing House, 2008.
- Parti Islam SeMalaysia, *Menuju Negara Berkeadilan*, Dokumen Manifesto PAS PRU 12, 2008.
- Khoo Kay Peng, NEP source of BN's Downfall, dalam Nathaniel Tan and John Lee, *Political Tsunami: An End to Hegemony in Malaysia?*, Kuala Lumpur: Kinibooks, 2008.
- Anil Netto, Malaysia rocked to the Economic Core, dalam Nathaniel Tan and John Lee, *Political Tsunami: An End to Hegemony in Malaysia?*, Kuala Lumpur: Kinibooks, 2008.
- Mohd. Mahadee Ismail dan Ab. Bassit Husin, Globalisasi Ekonomi Politik dan Impaknya ke Atas Politik Malaysia: Pilihan Raya 2008, dalam Worran Kabul et. al., *Politik Malaysia: Lanskap Politik Malaysi*.
- Muhamad Nadzri Mohamed Noor, *Politik Malaysia di Persimpangan: Praktik Politik dalam PRU 2008 dan Kontemporari*, Petaling Jaya: SIRD, 2009.
- Mutharasan, *Winning Strategies of Anwar Ibrahim*, Kuala Lumpur: Focus Media Enterprise, 2008.
- Hishamuddin Rais, *Keganasan, Penipuan dan Internet: Hegemoni Media Daulah Pecah*, Petaling Jaya: SIRD, 2008.
- Jun-E Tan and Zawawi Ibrahim, *Blogging and Democratization in Malaysia*, Selangor: SIRD, 2008.

- 
- Abd. Hadi Awang. *Selamatkan Demokrasi, Tegakkan Keadilan*, Ucapan Dasar Presiden PAS Jun 2007.
- Lee Ban Chen, *Bagaimana Keris Diganti Dengan Merpati*. Kuala Lumpur: Oriengroup Sdn Bhd., 2008.
- Amer Saifude Ghazali, *Geografi Pilihan Raya Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2009.
- Mujahid Yusof, *Wajah Baru Politik Malaysia*, Selangor: Anbakri Publika, 2009.
- Riduan Mohamad Nor *Analisis Pilihanraya Umum ke-12: Makkal Sakhti 2008*, Selangor: Jundi Resources, 2008.
- Dewan Ulama PAS Pusat, *25 Tahun Kepimpinan Ulama: Membangun Bersama Islam*, Kuala Lumpur: Nufair Street, 2009.
- Mohd Sayuti Omar, *Perang Salib, Najib-Anwar*, Kuala Lumpur: Tinta Merah, 2009.
- Mohd Noor Yazid, Keputusan Pilihan Raya Umum 2008: Mungkinkah Terbentuknya Sistem Dua Parti di Malaysia, dalam Worrn Kabul et. al., *Politik Malaysia: Lanskap Politik Malaysia*.
- Francis Loh Kok Wah, *Old vs New Politics in Malaysia: State and Society in Transition*. Penang: SIRD, 2009.
- Suflan Shamsuddin, *Reset: Rethinking the Malaysian Political Paradigm*, Selangor: ZI Publications, 2008.
- Zaid Kamaruddin, Bersatu Menegakkan Syariah, Menjamin Kesejahteraan Ummah, Ucapan Dasar Presiden JIM, 2007.
- Muhammad Uthman el-Muhammady. *Pascamodenism dan Islam : Satu Pandangan Awal*, Selangor: Akademi Kajian Ketamadunan, 2004.
- SUARAM, *Malaysia Human Rights Report 2006, Civil and Political Rights*, Petaling Jaya: SUARAM, 2007.
- PEMBELA, Justice has been Served, May, 30, 2007, dalam Nathaniel Tan and John Lee, *Religion Under Siege?, Lina Joy, the Islamic State and Freedom of Faith*.
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. Islamist Realignments and the Rebranding of the Muslim Youth Movement of Malaysia. *Contemporary Southeast Asia*. Vol. 30, NO. 2, 2008.
- Zaid Kamaruddin, Meneguh Gagasan Ummah, Menyerlah Kerahmatan Syariah, Ucapan Dasar Presiden JIM, 2008.
- Yahaya Ismail, *Anwar Menggugat, Pak Lah, Najib Terjerat*, Kuala Lumpur: Usaha Teguh, 2008.
- S.H. Alattas, *Dunia Belum Kiamat 1*, Kuala Lumpur: JB News Media Network, 2008.
- Mohd Sayuti Omar, *Jalan Pintas ke Putrajaya: Anwar Perdana Menteri Dalam Penantian*, Kuala Lumpur: Tinta Merah, 2008.
- Elias Hj. Idris, *51 Dalil Anwar Jadi PM*, Selangor: SungaiBeras Mart, 2008.
- Akmal Adil Abdullah, *Anwar Dituduh Lagi*, Selangor: Black and White Productions, 2008.
- Ooi Kee Beng, Is Anwar Unstoppable? Dalam Ooi Kee Beng, *Arrested Reform, The Undoing of Abdullah Badawi*, Kuala Lumpur: REFSA, 2009.
- Mohd. Azlan Zainal, Perspektif Pengundi dan Gambaran Umum Pilihan Raya Kecil Parlimen Kuala Terengganu, dalam Prosiding Bengkel PRK Kuala Terengganu.
- Wan Hamidi Hamid, *Lim Guan Eng: Dari Penjara Ke Tampuk Kuasa*, Kuala Lumpur: REFSA, 2008.
- Wong Chin Huat , Can PAS manage victory?, 27 Ogos 2009. [editor@thenutgraph.com](mailto:editor@thenutgraph.com). 